

22/11/2001

Majlis berbuka puasa bersama PM dibatal

KUALA LUMPUR, Rabu - Majlis berbuka puasa bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijadualkan petang esok di kediaman rasminya di Seri Perdana, dibatalkan berikutan kemangkatan Yang di-Pertuan Agong.

Kenyataan pejabat Perdana Menteri petang ini juga memaklumkan bahawa kediaman rasminya di Seri Perdana, Putrajaya ditutup kepada semua pelawat selama dua hari mulai hari ini dan esok.

Sementara itu, majlis berbuka puasa Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersama media di Hotel Mutiara Kuala Lumpur petang esok turut dibatalkan.

(END)